

SOALAN LAZIM – TEROKA RAPID
TEMPOH KEMPEN: 16 FEBRUARI – 30 APRIL 2026

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah itu kempen Teroka Rapid?	Teroka Rapid ialah kempen <i>city stamp rally</i> anjuran Prasarana Malaysia Berhad di mana peserta boleh mengumpul cap rekaan eksklusif dengan mengunjungi stesen-stesen LRT dan Monorel terpilih sepanjang tempoh kempen.
2	Bilakah tempoh kempen Teroka Rapid?	Kempen Teroka Rapid akan berlangsung dari 16 Februari 2026 hingga 30 April 2026 . Setiap bulan akan mempunyai rekaan cap yang berbeza dan hanya sah untuk bulan tersebut sahaja.
3	Siapakah yang layak menyertai kempen ini?	Kempen ini terbuka kepada pengguna Rapid KL berumur 18 tahun dan ke atas yang melakukan sebarang transaksi yang layak dalam tempoh kempen. Peserta di bawah umur 18 tahun mestilah ditemani dan di bawah pengawasan ibu bapa atau penjaga. Terbuka kepada warganegara Malaysia dan bukan warganegara.
4	Di manakah lokasi stesen-stesen terpilih untuk mendapatkan cap rekaan eksklusif?	Stesen-stesen terpilih adalah: <ul style="list-style-type: none"> • LRT Pasar Seni • LRT Ampang Park • Monorel Hang Tuah • LRT USJ 7 • LRT Titiwangsa
5	Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen Teroka Rapid?	Untuk menyertai kempen ini: <ol style="list-style-type: none"> 1. Tambah nilai kad Touch 'n Go (TnG) atau lakukan sebarang transaksi di mana-mana Kaunter Khidmat Pelanggan Rapid KL atau hab bas terpilih. 2. Di stesen-stesen terpilih (rujuk senarai di bawah): <ol style="list-style-type: none"> a. Tunjukkan resit pembelian yang sah di Kaunter Khidmat Pelanggan. b. Imbas kod QR yang diwajibkan sebagai sebahagian daripada proses penebusan. 3. Setelah pengesahan dan penghantaran kod QR berjaya, anda akan menerima satu (1) poskad untuk mula mengumpul cop di stesen-stesen terpilih seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • LRT Pasar Seni • LRT Ampang Park • Monorel Hang Tuah • LRT USJ 7 • LRT Titiwangsa 4. Kunjungi stesen-stesen Rapid KL di atas untuk mengumpul cap-cap rekaan eksklusif di dalam satu (1) poskad.

SOALAN LAZIM – TEROKA RAPID

		5. Setiap poskad memerlukan 5 cap rekaan eksklusif untuk mendapatkan imej yang lengkap.
6	Senario – Saya telah membeli pas My50 pada 31 Januari 2026, adakah saya layak untuk menyertai kempen ini?	<p>Tidak. Hanya resit daripada bulan yang sama dengan poskad sahaja diterima.</p> <p>Sebagai contoh, resit bulan Februari hanya layak untuk penebusan poskad bulan Februari, kerana setiap bulan menampilkan rekaan poskad yang berbeza.</p>
7	Berapakah jumlah poskad yang boleh ditebus?	<p>Jumlah poskad yang boleh ditebus adalah bergantung kepada jumlah pas atau transaksi tambah nilai TnG di dalam satu (1) resit pembelian.</p> <p>Contoh: Saya membeli 1 pas Rapid Kota, 1 pas Rapid Bulanan dan tambah nilai kad TnG berjumlah RM50. Jumlah poskad yang saya boleh tebus adalah sebanyak 3 keping.</p>
8	Bagaimanakah mekanisme pengumpulan cap?	<p>Peserta perlu mengunjungi stesen-stesen terpilih (LRT Pasar Seni, LRT Ampang Park, MRL Hang Tuah, LRT USJ 7 dan LRT Titiwangsa) untuk melengkapkan rekaan cap pada setiap satu (1) poskad sahaja.</p> <p>Rekaan cap baharu akan diperkenalkan setiap bulan (16 Februari 2026, 1 Mac 2026 dan 1 April 2026) sepanjang tempoh kempen.</p>
9	Berapakah jumlah poskad yang disediakan setiap bulan?	Sebanyak 3,000 keping poskad akan disediakan setiap bulan dan diagihkan ke stesen-stesen yang terpilih, sementara stok masih ada.
10	Bolehkah resit yang sama digunakan di stesen lain untuk tujuan penebusan?	Tidak. Setiap resit hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk tujuan penebusan poskad.